

Naib Canselor UMS lawat Kampus Mesra Alam Universiti Copenhagen


UB 10.10.2012 B6

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah mengadakan kunjungan rasmi ke Kampus Mesra Alam, The Green Campus, University of Copenhagen, Denmark baru-baru ini.

Lawatan itu yang turut disertai oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd Said, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Felix Tongkul, dan Timbalan Pendaftar Kanan UMS, Mohd Raffie Hj Janau antara lain bertujuan untuk berkongsi maklumat dan melihat sendiri suasana universiti itu yang mengamalkan konsep mesra alam dalam keseluruhan pengurusan, pembangunan dan operasi kampusnya.

Menurut Harun, University of Copenhagen dipilih sebagai destinasi lawatan kerana ia selaras dengan hasrat UMS untuk menjadi sebuah Eko-Kampus di Malaysia.

“Tumpuan universiti mesra alam ini amat hebat kerana mereka beroperasi sambil mengurangkan kesan universiti ke atas alam sekitar, khususnya berkaitan dengan penggunaan tenaga dan pengeluaran gas karbon



HARUN menyampaikan cenderamata kepada Tomas.

dioksida. Universiti ini turut mengadakan kolaborasi global serta memastikan penglibatan staf dan pelajar universiti dalam menjayakan objektif Green Kampus,” ujarnya.

Rombongan UMS turut diberi taklimat oleh Ketua Kumpulan Pengurusan Kampus Mesra Alam, Tomas Refslund Poulsen di bangunan Green Lighthouse.

Dalam taklimatnya itu, Tomas memberitahu bangunan Green Lighthouse

merupakan bangunan awam pertama Denmark yang bersifat tanpa karbon yang dibina pada 2009 melalui kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta.

Menurut beliau, bangunan itu juga merupakan bangunan contoh yang direkabentuk dengan bijak untuk menjimatkan penggunaan tenaga.

“Sejak pelaksanaan konsep kampus hijau ini pada tahun 2009, di mana bangunan-bangunan lama, khususnya

makmal-makmal telah diubahsuai, University of Copenhagen telah berjaya mengurangkan penggunaan tenaganya sekitar 20 peratus,” tambahnya.

Pada lawatan itu, rombongan UMS turut berkesempatan bertemu dengan pelajarnya, Nor Qhairul Izzreen Mohd Nor yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Makanan di universiti berkenaan.